

Kembar kongsi cita-cita



NUR Nadhira dan Nur Nadiah mengambil gambar untuk kad matrik mereka di UTHM, semalam.

Batu Pahat: Mahu mengejar impian sebagai jurutera menyebabkan kembar seiras Nur Nadhira Ahmad Fauzi dan Nur Nadiah, 22, membuat keputusan mengikuti jurusan kejuruteraan awam di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini.

Nur Nadhira berkata, pada mulanya dia mendapat tawaran di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor, namun membuat rancangan menyambung pengajian

di UTHM bersama Nur Nadiah.

Nur Nadhira berkata, sejak kecil dia tidak pernah berpisah dengan adik kembar-nya dan bertekad mengejar cita-cita sebagai jurutera.

“Bermula daripada sekolah menengah, kami memang selesa belajar bersama dan kami juga mengambil diploma di Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak.

“Kami membuat keputusan menyambung pengajian

di peringkat ijazah sarjana muda di UTHM kerana kami sangat serasi belajar bersama,” katanya ketika pendaftaran pelajar baru di UTHM, semalam.

Bagi Nur Nadiah pula, kedudukan kakaknya itu adalah inspirasi baginya menggapai kejayaan pada masa depan.

“Sebelum ini, kami mendapat anugerah dekan bersama-sama dan kali ini kami turut berazam untuk mengulangi kejayaan itu,” katanya.